

0V S

U

# GEMPAK.

WEEKLY EDITION

"44 KALI ORANG SEBUT  
NAMA SAYA JADI DOA"

# Mimi Lana

BUKAN INTAN



# Mimi Lana



Keberkesanan membawa watak Intan dengan karakter seorang wanita yang memusnahkan rumah tangga kakak sendiri dan bersikap biadab demi kepentingan diri menjadikan Mimi Lana sebagai aktres yang paling dibenci saat ini.

Buat semua penonton drama bersiri Andai Tiada Dia, Intan jahat. Intan wanita tidak sedar diri dan patut 'dilaknat'. Label kebencian yang memuncak tersebut sebenarnya indikasi kepada hebatnya Mimi Lana menterjemahkan watak antagonis yang dibawa.

Namun Mimi Lana sendiri mengakui dirinya tidak gemar dengan watak Intan.

"Intan ini adalah manusia bertopengkan syaitan," katanya ringkas menggambarkan watak Intan yang dimainkan dalam drama yang hangat ditayangkan di Astro Ria.

Mimi Lana kemudian menyambung kebencian terhadap pemusnah rumah tangga atau digelar penyondol semuanya bergaul dan dipamerkan dalam Intan.

"Sebenci-bencinya saya terhadap pemusnah rumah tangga atau penyondol dan mendengar banyak pengalaman bukan hanya di media tapi dalam kalangan orang sekeliling, saya satukan semua dan terjemahkan dalam watak Intan.

"Walaupun saya puas membawakan watak antagonis namun jujurnya ia jauh daripada diri saya yang sebenar.

"Jadi misalnya kalau pun saya tidak gembira membawa watak antagonis atau Intan tapi ia dapat memberi iktibar kepada masyarakat dan tidak mengikut jejak (penyondol), saya okay," katanya lagi.

Aktres tersebut bagaimanapun menekankan Mimi Lana dan Intan adalah dua manusia dengan sikap yang cukup berbeza. Mimi Lana dan Intan tidak mempunyai sebarang persamaan.


Sebab itu kata Mimi Lana, jika ada yang marah dan terbawa-bawa kebencian terhadap Intan, dia berharap agar penonton jangan mencampur adukkan ia dengan peribadi atau dirinya yang sebenar.

"Mimi Lana langsung tidak punya persamaan dengan Intan. Saya faham jika ada yang marah atau geram tapi jangan campurkan ia dengan peribadi saya.

"Kalau 44 kali orang sebut nama saya takut nanti jadi doa. Saya mahu tidur malam pun takut (fikir tentang doa kesan watak pemusnah rumah tangga)," pintanya.

Akhir kata, Mimi Lana berharap agar Allah juga tidak membolak balikkan hatinya menjadi seperti Intan.

Katanya: "Saya tetap dengan pendirian sebagai wanita yang tidak mahu memusnahkan rumah tangga orang. Doakan saya jadi lebih baik." - MALIAH SURIP





# Andai Tiada Dia



## 7 Fakta Andai Tiada Dia



Drama bersiri Andai Tiada Dia yang ditayangkan di Astro Ria pukul 10 malam sedang menjadi bualan hangat.

Berikut antara fakta mengenai Andai Tiada Dia yang menyaksikan lakonan handal daripada watak-watak utamanya seperti Mimi Lana, Umi Nazeera dan Hisyam Hamid serta Zahiril Adzim.

Drama bersiri Andai Tiada Dia ini memiliki 36 episod dan diterbitkan oleh Global Station.



Mengisahkan tentang dilema Suri (Umi Nazeera) mendapatkan zuriat kecurangan suami lakonan Hisyam Hamid dengan adik iparnya (Mimi Lana), Andai Tiada Dia diarahkan oleh pengarah prolifik, Riza Baharudin.

Pengurus Saluran Astro Ria, Idlan Zahari mengatakan matlamat Andai Tiada Dia ditayangkan adalah untuk mencipta siri yang bukan sahaja menghiburkan tetapi juga mencetuskan perbualan yang bermakna.

Andai Tiada Dia menekankan elemen syariah, hubungan mahram, proses IVF dan tempoh iddah.



Watak Intan yang dimainkan Mimi Lana menjadi perhatian sehingga banyak parodi babak-babak 'menegangkan' dan membuat penonton sakit hati dibuat netizen dalam pelbagai platform media sosial termasuk TikTok.

Ramai penonton melahirkan rasa kurang senang dan sakit hati terhadap watak Haikal yang dimainkan Hisyam Hamid di media sosial. Instagram Hisyam Hamid turut 'diserang' penonton.

Umi Nazeera juga kini mula dipanggil dengan watak yang dimainkan dalam Andai Tiada Dia iaitu Suri. Namun ramai juga yang mahu Suri yang dipaparkan sebagai 'wanita lemah' dan banyak berendam air mata untuk bangkit berjuang untuk dirinya sendiri.

## Momen 'Hangat' Selebriti Di Mahkamah

Sepanjang tahun 2024, bukan hanya individu biasa atau 'orang kena tuduh (OKT)' yang dihadirkan ke mahkamah atas pelbagai alasan, kelompok selebriti juga tidak terkecuali apabila ramai yang berdepan dengan masalah perceraian.

Di sebalik fakta kes, kehadiran para selebriti ke mahkamah mencuri tumpuan dengan cara tersendiri sekaligus menjadi perbualan hangat di media sosial.



### Fazura

Penampilan Fazura di Mahkamah Rendah Syariah Petaling, Subang Bestari sewaktu kes perceraian dengan Fattah Amin beberapa bulan lalu mencuri tumpuan apabila ditemani oleh lebih lima orang pengawal keselamatan.

Menurut pihak pengurusan Fazura, Iman Tang, bukan semua 'pengawal keselamatan' yang menemani artis itu bekerja sebagai 'pengawal keselamatan' sebaliknya ada dalam kalangan mereka teman penyanyi dan pelakon tersebut.



### Puteri Sarah

Kemesraan yang dipamerkan oleh pelakon Puteri Sarah Liyana dengan bekas suaminya, Syamsul Yusof selepas mereka bercerai talak satu mencuri tumpuan media.

Keduanya dilihat berbual dan ceria di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur selepas 'perseteruan' panjang yang terjadi sebelumnya.

### Ruhainies & Alif Aziz

Kehadiran Aliff Aziz dan pelakon, Ruhainies di Mahkamah Tinggi Syariah kerana kes khalwat mencuri tumpuan selepas kedua-duanya tampil dengan 'cara tersendiri'.

Aliff hadir ditemani ramai pengawal peribadi sementara Ruhainies mesra dan tersenyum melayan pihak media. Malah ada dalam kalangan netizen menyifatkan sikap pelakon wanita itu sebagai 'bergembira' kerana ditangkap khalwat.

### Farid Kamil

Hadir secara berasingan ke Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi sebutan pertama permohonan rujuk dan penceraian, penampilan Farid Kamil dan Diana Dianelle juga menjadi perhatian.

Diana tampil memakai jubah berwarna hitam dan tidak kedekut melemparkan senyuman.

Farid pula hadir seperti sedang berkabung dengan 'kain putih' dililit di bahagian songkok.

Ironi keduanya tidak jadi bercerai dan disahkan masih suami isteri. - MALIAH SURIP





## Artis Muda Dakwa Dibuli, Senior Bidas Tidak Berasas

Buli, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, merujuk kepada perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang, biasanya orang yang lemah, dengan tujuan menakutkan atau mencederakan.

Isu buli kini menjadi perhatian dalam industri hiburan apabila beberapa karyawan seni mengaku pernah mengalaminya.

Namun, seorang aktres senior berpendapat kenyataan pelakon baharu mengenai gejala buli di set adalah tidak berasas.

"Kenyataan yang dibuat itu sampah. Perkara peribadi tidak patut dikeluarkan. Isu buli tidak berlaku pun di set penggambaran. Selalunya kami semua gembira sahaja," kata Nabila lantang.

Malah pengarah Ahmad Idham dan aktres Rita Rudaini juga melahirkan rasa kurang senang dengan kenyataan yang dikeluarkan.

Jadi siapa sahaja anak seni yang pernah melalui episod buli?

1.



### SITI KHADIJAH

Pelakon baru, Siti Khadijah mengaku selain pernah 'disimpan' dari pagi sampai ke malam di set penggambaran, dia mendakwa pernah dicampak skrip pada awal pembabitannya.

"Dimaki itu perkara normal yang mana tak patut dinormalisasikan," dakwa pelakon yang terkenal dengan drama bersiri From Saga With Love itu lagi.

Siti Khadijah, 27, seterusnya berharap agar budaya buli tidak dinormalisasikan kerana memberi impak kurang baik kepada kedua-dua pihak.

2.



### ALIF MUHAIMIN

Hero Remaja 2017, Alif Muhaimin juga mendedahkan gejala buli wujud dalam dunia lakonan seperti yang pernah dialaminya di awal pembabitannya sebagai pelakon.

"Sewaktu awal-awal berlakon dulu ada seorang kru yang akan gelakkan saya setiap kali saya beraksi depan kamera.

"Saya sampai makan di tepi longkang. Sampai satu tahap dia buat saya hilang sabar," katanya kepada HibGlam.

Alif, 30, juga mendakwa bukan dia seorang sahaja yang melalui pengalaman seperti itu, malah ada ramai pelakon berdepan senario serupa terutama dalam kalangan pelakon tambahan.

3.



### AURELIE MOEREMANS

Aurelie Moeremans adalah artis Indonesia yang mengaku pernah dibuli hanya kerana duduk di kerusi pelakon senior sewaktu awal pembabitannya dahulu.

Lebih parah dia mendakwa namanya digugurkan daripada terbabit dengan produksi tersebut selepas sudah memotong rambut gara-gara peristiwa tersebut.

Namun kata Aurelie dalam satu kenyataan, dia sudah melupakan semuanya dan menjadikan hal itu pengalaman berharga. - MALIAH SURIP



Pengarah: Jon M. Chu  
 Pelakon: Cynthia Erivo, Ariana Grande, Jonathan Bailey, Ethan Slater, Bowen Yang, Marissa Bode, Michelle Yeoh  
 Genre: Fantasi, Muzikal, Romantik

Elphaba, seorang wanita muda yang disalah faham kerana kulit hijaunya, dan Glinda, seorang gadis popular, menjadi sahabat di Universiti Shiz di Land of Oz. Selepas bertemu dengan Wizard Oz yang Hebat, persahabatan mereka sampai ke satu persimpangan.



Pengarah: Tommy Dewo  
 Pelakon: Ari Irham, Sandrinna Michelle, Christian Sugiono  
 Genre: Seram, Thriller

Diangkat daripada kisah sebenar yang pernah dikongsikan pengguna media sosial X, filem ini mengambil latar belakang Kota Semarang tahun 1983.

Seorang bapa menemukan sebuah kiriman misteri berbentuk bungkusan, selepas itu keluarganya mula mengalami pelbagai kejadian aneh. Ternyata ia merupakan santau yang dihantar oleh pesaing perniagaannya.

Santet segoro pitu merupakan ilmu hitam yang memiliki kuasa mengerikan, dipercayai kekuatannya berasal dari jin tujuh lautan seberang Jawa.



Pengarah: Pierre Andre  
 Pelakon: Emma Maembong, Iedil Dzuhrrie Alaudin, Ruminah Sidek, Khatijah Tan, Mawar Rashid, Cat Farish, Alif Hadi  
 Genre: Seram, Misteri, Thriller

Kisah kesinambungan saka keluarga Opah yang mencari tuan baharu untuk didampingi. Namun, ada sesuatu yang menghalang dan membawa pelbagai kejadian menyeramkan.



## Senarai Top 20 GMWA 2024 Umum 27 November!

Pencalonan umum Gempak Most Wanted weekly show telah ditutup pada 14 November lalu dan sebanyak 11 kategori akan dipertandingkan dalam Gempak Most Wanted Awards (GMWA) tahun ini.



Senarai Top 20 GMWA 2024 pula akan diumumkan pada 27 November 2024, pukul 11 malam di saluran Astro Ria dan semua platform Astro Gempak.

Undian fasa pertama: Top 20 GMW Awards 2024 telah bermula 28 November, 12 malam sehingga 28 Disember 2024, 11:59 malam dan hanya lima calon undian tertinggi dari Top 20 bakal berentap di GMW Awards 2024 bagi setiap kategori.

Calon yang mempunyai undian tertinggi bagi keseluruhan kategori akan diumumkan sebagai Gempak Most Wanted 2024.

Jom semak antara senarai calon yang pernah mengungguli kedudukan teratas setiap minggu sepanjang GMW musim ketiga.

- Pok Ro
- Meerqeen
- Fattah Amin
- Anna Jobling
- Amin & Abid Othman
- Shah Zakaria
- Puas Sudah - Aina Abdul
- Andai Tiada Dia



**Gempak Most Wanted**

Gempak Most Wanted merupakan sebuah rancangan carta interaktif mingguan memfokuskan segala yang trending, viral & sensasi di semua platform digital. Dibhoskan oleh Amelia Henderson & Sean Lee.

**Carta Mingguan Gempak Most Wanted**

Undi carta mingguan Gempak Most Wanted sekarang dan tentukan Top 5 setiap minggu!

HANTARKAN  
PENCALONAN  
UMUM ANDA

UNDI CALON BULAN  
OGOS SEKARANG!

CARTA  
MINGGUAN

Video Terbaru

Bersanding Seorang Diri, Ananda Natasha

ANANDA NATASHA  
BERSANDING SEORANG DIRI  
ANANDA NATASHA DICERAIKAN  
ATAS TALIAN

Bersanding Seorang Diri, Ananda Natasha  
Diceraihan Atas Talian! | Motif Trending

## Maskulin Who's Your Bro Uji Fizikal & Emosi 12 Lelaki



Rancangan realiti Maskulin Who's Your Bro, hasil kerjasama Astro dan Nu Ideaktiv, menampilkan 12 peserta lelaki sebagai tonggak utama.


Program ini menggabungkan cabaran fizikal, perjalanan emosi, dan kerjasama dinamik untuk mengupas makna ketahanan diri dan solidariti.

Menurut pengurus saluran Astro Ria, Idlan Zahari, rancangan ini bertujuan untuk menyampaikan mesej bahawa kekuatan maskuliniti datang dari sokongan antara satu sama lain dan keberanian untuk mengatasi halangan hidup.

Selain itu, Maskulin Who's Your Bro turut menyajikandungan digital eksklusif melalui platform seperti Facebook, Instagram, TikTok, dan YouTube, yang memaparkan sisi santai peserta di luar arena pertandingan.

Rancangan ini akan menemui penonton di saluran Astro Ria bermula 29 November 2024, setiap Jumaat jam 9 malam. Antara 12 peserta termasuk Ikmal Amry, Theebaan G, Hakimi Noordin, Faidzal Ali, Kelvin, Dr Shazif, Syafiq Farhan, Chee Wai, Asyraf dan Saddam Pittli.

## Sarkas Juara Muzikal Lawak Superstar 4, Bolot RM150,000



Kumpulan Sarkas dinobatkan sebagai juara 'Muzikal Lawak Superstar 4' sekaligus membawa pulang wang tunai bernilai RM 150,000 beserta trofi.

Danial Zaini, Acap S dan Shashic telah menampilkan persembahan yang penuh emosi, lantas menyentuh perasaan para penonton dan juga barisan juri dengan sketsa mereka.

Sarkas mendapat markah keseluruhan sebanyak 67.89%, diikuti oleh kumpulan Padie (67.07%) di tempat kedua dan kumpulan Putehh (64.57%) di tempat ketiga, dengan masing-masing membawah hadiah wang tunai bernilai RM 75,000 dan RM 50,000 beserta trofi.

Mengejutkan satu dewan dengan bakat komedi dan lakonannya, Zulin Aziz turut dipilih sebagai pemenang 'Superstar Paling Gempak' pada musim keempat ini.

Strim episod-episod 'Muzikal Lawak Superstar 4' menerusi On Demand, Astro GO dan sooka.




## Konsert Amal Mengusik Emosi

Konsert Amal MPO Benefit Concert: Resonance for a Reason di Dewan Filharmonik Malaysia berjaya menarik lebih 900 penonton.

Dihadiri oleh artis-artis hebat seperti M Nasir, Sheila Majid, Misha Omar, Aina Abdul, dan Amir Jahari, konsert ini menyajikan persembahan yang menggabungkan bakat lama dan baru, termasuk Orkestra Filharmonik Belia Malaysia.

Setiap persembahan menarik perhatian, bermula dengan Amir Jahari dan Misha Omar, diikuti oleh Aina Abdul yang memukau dengan vokalnya.

M Nasir dan Sheila Majid kemudian menghangatkan suasana, dengan Sheila berduet bersama Aina dalam lagu Jentayu dan menyampaikan lagu ikonik Sinaran.



## 18,000 Banjiri Pesta Muzik Cuckootopia

Biarpun berhujan, biduanita negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza memukau 18,000 penonton di Pesta Muzik Cuckootopia sempena ulang tahun ke-10 Cuckoo di Sunway Lagoon.

Konsert lima jam ini turut menampilkan artis seperti Jaclyn Victor, Joe Flizzow, Siti Nordiana, Bunkface, serta bintang muda DOLLA, 3P, dan Priscilla Abby.

Sambutan lebih bermakna dengan kehadiran Kim Soo Hyun, duta Cuckoo dari Korea Selatan.






## Dad & Baby's Hiking Videos Touch Hearts On TikTok

A Malaysian dad, Hazwan, has gone viral on TikTok for sharing hiking adventures with his 9-month-old daughter, Hana. He carries her safely in a backpack as they explore nature trails.

The videos, where Hana enjoys the journey quietly, have earned millions of views and lots of praise for both her calmness and his adventurous spirit.

Hazwan also shares useful tips for parents who want to hike with young children. His heartwarming content has resonated with many viewers.



## 8 Celebrities Who Overcame High School Bullying

High school can be hard, and even celebrities face bullying. Many students, including in Malaysia, go through this. Some famous people used their struggles to push them in their careers. Here are eight celebrities who faced bullying in school and overcame it:

**Justin Bieber** - He was bullied in school as his fame grew. He spoke out about the need for change in 2012.

**Henry Golding** - He faced racism and bullying because of his mixed heritage after moving to Surrey.

**Bella Hadid** - Bella was bullied for being the only Arab girl in her class and felt lonely.


**Lee Zii Jia** - Lee was bullied in sports school, often being avoided by others and crying at night.

**BTS' V** - V was bullied by a friend who made him feel bad and left him out of events.

**Robert Pattinson** - Robert was bullied in school for being different before becoming famous as Edward Cullen in Twilight.

**Sydney Sweeney** - Sydney was bullied about her acting and body, and it got so bad the police were involved.

**Taylor Swift** - Taylor was seen as "weird" in school, and she turned her loneliness into music.



## Toxic Boss? 10 Ways to Tell

Bullying doesn't stop in childhood, it happens at work too. In Malaysia, nearly 40% of employees have faced workplace bullying, often with managers causing the most harm.

Signs of a bullying manager include unreasonable demands, constant criticism, favoritism, public threats, micromanagement, spreading rumors, denying promotions, and emotional manipulation. Some managers may also use cyberbullying, like sending threatening emails or harassing employees online, invading their privacy.

Recognizing these behaviors is key to creating a respectful and productive workplace.

Read more news and features on [www.rojakdaily.com](http://www.rojakdaily.com)